

05/09/2001

Malaysia, Singapura setuju selesai semua isu (HL)

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertangguh yang berlarutan begitu lama berikutan perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew di sini, hari ini.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura; pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di stesen KTM Tanjung Pagar, Singapura; penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura, dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu-isu itu, kedua-dua pihak bersetuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007. Dr Mahathir memberitahu sidang akhbar selepas pertemuan itu, pegawai dari kedua-dua negara akan membincangkan segala butiran bagi menyediakan satu perjanjian untuk ditandatangani perdana menteri kedua-dua negara. Bagaimanapun, tidak ada had masa ditetapkan untuk perjanjian itu ditandatangani.

Bernama dalam laporannya memetik Lee sebagai berkata Singapura akan membeli 350 juta gelen (satu gelen bersamaan 4.5 litre) air sehari dari Malaysia selepas 2061.

Selepas 2061, Malaysia akan menjual 100 juta gelen air mentah sehari dan 250 juta gelen air yang ditapis sehari yang akan diproses secara usaha sama oleh kedua-dua negara.

Katanya, Singapura menawarkan untuk membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah dari Malaysia sehingga 2061 iaitu 15 kali ganda berbanding dengan harga sekarang iaitu 3 sen bagi 1,000 gelen air. Selepas 2061, Singapura akan membayar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen, dan kadar itu akan dikaji semula setiap lima tahun.

Mengenai CPF, Lee berkata ia akan dibayar seperti biasa dalam tempoh masa dua tahun.

Lee juga berharap persetujuan yang dicapai hari ini akan menamatkan pembabitan pihak atasan kedua-dua negara untuk menyelesaikan isu-isu tertangguh itu.

"Saya boleh katakan rundingan ini (hari ini) begitu sukar kerana Dr Mahathir bukan seorang yang boleh diambil mudah," katanya mengulas hasil rundingannya itu.

Beliau berkata persetujuan hari ini adalah hasil cadangan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, supaya segala isu tertangguh diselesaikan dalam satu pakej.

"Kita telah mencapai persetujuan pada rangka asas, hanya sedikit saja lagi yang perlu dilakukan.

"Kita telah sampai ke peringkat untuk menyelesaikan soal butiran, merangkakannya dalam bentuk ayat oleh pegawai-pegawai dari kedua-dua pihak supaya kedua-dua perdana menteri, jika mereka bersetuju dengan draf itu, akan menandatangani," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, pula berkata persetujuan yang dicapai hari ini tidak boleh dilihat sebagai kejayaan atau kekalahan kepada mana-mana negara.

"Dalam kes ini, jangan lihat sama ada Malaysia mendapat lebih daripada apa yang ia mahu atau Singapura mendapat kurang daripada apa yang ia mahu.

"Bagi saya soal konsesi (oleh mana-mana pihak) tidak timbul. Kedua-dua pihak telah bertindak saling beri memberi untuk mencari penyelesaian terbaik bagi isu-isu yang tertangguh ini," katanya.

Katanya kedua-dua pihak gembira kerana butiran mengenai isu itu sedang diselesaikan.

Selepas perbincangan itu, Lee turut mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya.

Abdullah yang ditemui selepas kunjungan itu berkata, pertemuan singkat selama setengah jam dengan bagi membincangkan isu dua hala dan serantau membabitkan kepentingan semasa dalam Asean.

(END)